Pendekatan terakhir adalah simbolik yang diperoleh melalui bahasa dan penggunaan simbol dalam topik matematik yang spesifik (Bruner et al., 1966). Penggunaan bahasa dan simbol membenarkan penyusunan maklumat dalam minda dengan mengaitkannya bersama-sama konsep (Brahier, 2009). Oleh itu, simbolik membantu meningkatkan kekuatan kepada kefahaman abstrak yang diperoleh. Apabila murid cuba menjawab beberapa soalan secara lisan seperti jumlah pintu dan tingkap yang perlu dibina dalam istana pasir, murid akan cuba berbalik kepada fasa konkrit dan gambar bagi mengenal pasti berapa pintu dan tingkap yang diperlukan. Fasa konkrit dan gambar penting dalam memberi idea dan kefahaman konsep awal kepada murid.

Pendekatan ketiga-tiga fasa adalah mengikut urutan dalam mempelajari konsep dan struktur, seperti nilai tempat yang menggunakan bahan konkrit diikuti dengan gambar dan tugas berbentuk latihan (Orton, 2004). Namun begitu, pendekatan KGA tidak semestinya mengikut urutan KGA tetapi berdasarkan kesesuaian topik dan responden di dalam kelas itu. Beberapa konsep matematik tidak memerlukan manipulasi objek atau kefahaman pada gambar untuk memahaminya. Kesesuaian kanak-kanak sama ada memahaminya berdasarkan hanya satu tahap atau memerlukan ketiga-tiga tahap adalah bergantung kepada kebolehannya. Bruner et al. (1966) menjelaskan bahawa tiadanya hubungan antara enaktif, ikonik dan simbolik dalam pembelajaran konsep baru dan pembangunan intelektual. Guru yang

menggunakan pendekatan KGA perlu teliti dalam memilih fasa yang sesuai dalam pengajaran mengikut topik yang dipelajari supaya memberi keselesaan kepada murid untuk mengikutinya.

1.1.3 Ukuran

Kajian berkaitan pengajaran geometri dan pengukuran adalah bagi meningkatkan usaha untuk mempromosikan hala tuju dan kepentingan geometri pada pembelajaran kanak-kanak (Sinclair & Bruce, 2015). Pelbagai kajian yang dijalankan bagi memastikan perkara asas dan penting di dalam pengukuran menjadi tujuan utama dalam pengajaran di dalam kelas. Dindyal (2015) menegaskan bahawa walaupun kajian dilaksanakan dengan berbagai cadangan dan inisiatif di dalam pengukuran, namun masih terdapat ruang bagi penyelidik lain mengkajinya bagi mendapatkan perkembang paling berkesan terhadap kanak-kanak.

Ukuran merupakan aplikasi dunia sebenar dalam matematik yang menghubungkan geometri, ruang dan nombor nyata (Clements & Stephan, 2003; Lehrer, 2003; Lehrer, Jaslow, & Curtis, 2003). Ukuran bukan sahaja memerlukan kefahaman konsep terhadap bentuk dan formula yang digunakan tetapi juga kemahiran mengira yang betul. Ukuran dalam geometri adalah bukan sesuatu yang mudah tetapi memerlukan kefahaman konsep dan kemahiran pengiraan (Clements & Stephan, 2003; Lehrer, 2003; Lehrer et al., 2003; Machaba, 2016; Sutherland Firestone, Doabler, & Clarke; 2020). Kebanyakan aktiviti yang direka bentuk dalam pengajaran dan pembelajaran konsep awal ukuran adalah tertumpu kepada membina pengetahuan dan kemahiran kognitif (Armah & Kissi, 2019; Bergstrom & Zhang, 2016; Chiphambo & Feza; 2020; Coskie, 2007; Hand, 2005; Hanley, Cammilleri, Tiger & Ingvarsson, 2007; Huang & Wu, 2019; Hord & Xin, 2015; Liu, Bryant,

Kiru, & Nozari, 2021; Makonye, 2019; Satsangi & Bouck, 2015; Serin, 2018; Sterling, 1999; Sterling, 2006; Zhang, 2021; Zhang, Ding, Stegall, & Mo, 2012; Zhang, Wang, Ding, & Liu., 2014). Kajian (Husnawati, Anwar, & Ikhsan 2019; Meilantifa & Budiarto, 2018; Prabowo, Anggoro, Astuti & Fahmi, 2017; Yang, Tseng, & Wang, 2017) berterusan terhadap bahan yang digunakan di dalam pengajaran dan pembelajaran juga menjadi perkara penting di dalam topik pengukuran.

Pembelajaran konsep dalam ukuran yang terdiri daripada perimeter, luas dan isi padu mempunyai pelbagai kaedah dan pendekatan yang berbeza. Lehrer et al. (2003) menyatakan bahawa dengan mempelajari dan menyiasat dengan serentak tentang luas dan isi padu memberikan sesuatu yang bermakna. Curry dan Outhred (2005) mencadangkan untuk murid memahami dan menguasai konsep luas terlebih dahulu sebelum diperkenalkan dengan konsep isi padu. Curry, Michelmore dan Outhred (2006) menjelaskan bahawa terdapat murid yang berkeupayaan mengira perimeter, luas dan isi padu dengan tepat, walau pun tidak memahami tentang konsep sebenarnya ketika mengukur. Jika murid tidak memahami asas dan konsep sebenar dalam ukuran, kesilapan mungkin akan sering berlaku (Curry et al., 2006). Ukuran memerlukan kefahaman murid yang sebenar, bukan sahaja kemahiran mengira perimeter, luas dan isi padu tetapi juga mengenal tentang maksud kepada pengiraan itu dilakukan serta hubungan di antaranya. Di Malaysia, perimeter, luas dan isi padu adalah merupakan sub topik kepada tema atau bidang pembelajaran sukatan dan geometri. Pengenalan kepada bentuk asas tiga dimensi ketika tahun satu seperti kubus, kuboid, kon, piramid, silinder dan sfera memberikan gambaran awal kepada murid sebelum diperkenalkan kepada bentuk dua dimensi yang lebih bersifat abstrak seperti segi empat sama, segi empat tepat, segi tiga dan bulatan. Pembinaan model tiga dimensi dan melukis bentuk dua dimensi adalah beberapa kaedah yang

dicadangkan bagi murid mengenal nama, bentuk asas dan ciri-ciri yang terdapat padanya. Murid mengenal bentuk asas dua dan tiga dimensi seawal tahun satu (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015).

Standard kandungan tahun satu bagi topik ruang adalah murid dibimbing untuk mengenal pasti bentuk tiga dimensi dan dua dimensi manakala standard pembelajaran adalah murid berupaya menamakan dan membentuk model tiga dimensi iaitu kubus, kuboid, kon, piramid, silinder dan sfera serta dua dimensi iaitu segi empat sama, segi empat tepat, segi tiga dan bulatan. Standard kandungan adalah kenyataan umum tentang domain kognitif (pengetahuan) dan efektif (sikap dan nilai) yang boleh dicapai oleh murid dalam sesuatu sub topik manakala standard pembelajaran adalah kenyataan khusus tentang perkara yang murid patut tahu dan boleh lakukan dari segi pengetahuan atau konsep yang difahami dan keupayaan melakukan sesuatu yang membolehkan murid menunjukkan profisiensi mereka dalam pemerolehan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam bentuk yang boleh diukur (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015).

Pembelajaran ukuran di tahun dua adalah menghuraikan ciri-ciri bentuk dua dan tiga dimensi seterusnya mengenal pasti bentangan bagi setiap bentuk tersebut. Standard kandungan tahun dua adalah murid dibimbing untuk mengenal pasti bentuk dan bentangan bagi tiga dimensi dan mengenal bentuk dan huraian bagi dua dimensi manakala standard pembelajaran adalah murid berupaya mengenal pasti bentuk tiga dimensi dan pelbagai bentangan yang terdiri daripada kubus, kuboid, piramid tapak segi empat sama, silinder dan kon serta mengenal pasti bentuk dua dimensi dan melukisnya. Murid mengenal pasti bentuk tiga dimensi, mengenal pasti bentangan bentuk tiga dimensi dan mengenal pasti bentuk dua dimensi (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Bentangan bagi bentuk tiga dimensi seperti kubus, kuboid, kon,

piramid dan silinder akan diperkenalkan selain kemahiran melukis bentuk dua dimensi seperti segi empat sama, segi empat tepat, segi tiga dan bulatan.

Pada tahun tiga, murid akan dibimbing mengenal pelbagai jenis prisma dengan keupayaan untuk mengenal jenis prisma seperti segi empat sama, prisma segi empat tepat dan segi tiga; melabel dan mencirikan bahagian-bahagian prisma seperti permukaan, tapak, bucu dan sisi dan seterusnya membandingkan prisma dengan bukan prisma berdasarkan ciri-cirinya (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017). Proses pembelajaran daripada tahun satu hingga tahun tiga dengan merujuk kepada Dokumen Standard (DS) yang disediakan oleh KPM adalah mengenal pasti, melukis, menghuraikan ciri-ciri yang terdapat pada bentuk dua dan tiga dimensi seterusnya membuat perbandingan antara prisma dan bukan prisma. Pengenalan kepada bentuk dua dan tiga dimensi adalah penting sebelum murid berkeupayaan mengira perimeter, luas dan isi padu.

Idea dalam memberi maksud ukuran sebenar bagi perimeter, luas dan isi padu berbanding kepada pengiraan semata-mata adalah kebolehan mengenal pasti konsep penting di sebaliknya melalui pembelajaran awal (Clements & Stephan, 2003; Lehrer, 2003). Murid yang berada pada tahun empat akan bermula dengan: (a) menentukan perimeter segi empat tepat, segi empat sama, segi tiga dan poligon; (b) menentukan luas segi empat tepat, segi empat sama, dan segi tiga menggunakan petak segi empat sama dan rumus; dan (c) Menentukan isi padu kubus dan kuboid menggunakan kubus unit satu sentimeter padu dan rumus (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018). DS murid daripada tahun satu hingga tahun empat bagi tema sukatan dan geometri menunjukkan terdapat hubungan antara pengenalan bentuk asas sehinggalah kepada pengiraan perimeter, luas dan isi padu.

Kemahiran mengukur perimeter, luas dan isi padu adalah merupakan perkara yang penting ketika pada tahun empat namun terdapat murid yang tidak dapat memahaminya tetapi dapat menyelesaikan soalan yang diberikan dengan menghafal rumus atau formulanya. Langkah yang paling sukar bagi murid adalah berubah daripada kebergantungan kepada strategi pengiraan semata-mata kepada penyelesaian yang memerlukan kefahaman konsep terhadap formula itu (Battista, 2003). Hubungan antara pengiraan yang bersifat abstrak kepada kemahiran mengukur yang berbentuk konkrit adalah perlu dalam membolehkan murid membuat perkaitan antara satu sama lain. Kurikulum matematik umumnya terdiri daripada beberapa bidang seperti penghitungan, geometri, algebra, ukuran dan penyelesaian masalah; tanpa membuat kaitan antara bidang-bidang ini, murid akan belajar dan mengingati terlalu banyak konsep dan kemahiran secara berasingan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018).

1.1.4 Profisiensi Matematik atau *Mathematical Proficiency*

Pembelajaran secara formal melibatkan nombor adalah bermula seawal pra sekolah di Malaysia. Pelbagai kaedah digunakan dalam mentakrifkan murid sebagai berkebolehan, berkemahiran, cekap, kompeten dan mencapai objektif yang telah ditetapkan dalam kurikulum. Dahulu, kecemerlangan dalam matematik daripada pra sekolah sehingga sekolah tinggi adalah kebolehan murid melakukan prosedur dalam aritmetik, kemahiran yang tinggi dalam menyelesaikan setiap masalah dan keperluan murid untuk memahami setiap yang telah diselesaikan (Kilpatrick, Swafford, & Findell, 2001).

Perubahan ketara dalam ekonomi dunia yang memerlukan perubahan dalam menaksir kebolehan murid telah dicadangkan bagi meningkatkan prestasi di masa

akan datang. Pentaksiran yang telah dijalankan oleh *Trends In International Mathematics and Science Study (TIMSS)* dan *Programme For International Student Assessment (PISA)* misalnya adalah pentaksiran antarabangsa berasaskan kurikulum sekolah bagi mata pelajaran Sains dan Matematik di seluruh dunia yang memerlukan perubahan daripada segi pengajaran dan pembelajaran. Kompeten dalam matematik pada hari ini adalah sebenarnya sesuatu yang memerlukan kemahiran penyelesaian masalah seharian yang semakin kompleks. Kajian-kajian terdahulu (Adelman, 1999; Attawel & Domina, 2008) menunjukkan murid yang kompeten dalam matematik lebih cenderung untuk mendaftar dan menghabiskan pengajian di kolej dan universiti.

Kilpatrick et al. (2001) telah mencadangkan profisiensi matematik atau *Mathematical Proficiency* bagi membolehkan prestasi dalam matematik dan kompeten ditingkatkan yang merangkumi lima komponen utama iaitu *Conceptual Understanding* (Kefahaman Konsep), *Procedural Fluency* (Kefasihan Prosedur), *Strategic Competence* (Kecekapan Strategik), *Adaptive Reasoning* (Penaakulan Adaptif) dan *Productive Disposition* (Disposisi Produktif). *Proficiency* bermaksud kecekapan atau kemahiran manakala *proficient* adalah cekap atau mahir (Kamus Inggeris Melayu Dewan, 2001). Cekap bermaksud dapat (berkebolehan) melaksanakan sesuatu kerja dengan cepat dan sempurna, pandai dan mahir manakala kecekapan bermaksud keadaan atau hal cekap; kemahiran atau kepandaian membuat (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Mahir ditakrifkan sebagai terlatih untuk mengerjakan sesuatu, cekap, lancar, pandai manakala kemahiran adalah kecekapan dan kepandaian melakukan sesuatu (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005).

National Research Council (2001) mentakrifkan maksud ringkas kerangka berkenaan profisiensi matematik atau *Mathematical Proficiency* berdasarkan

Kilpatrick et al. (2001) yang merangkumi lima komponen yang saling berkait iaitu: (a) *Conceptual Understanding* (Kefahaman Konsep) - kefahaman terhadap konsep operasi dan hubungan matematik; (b) *Procedural Fluency* (Kefasihan Prosedur) - kemahiran dalam menjalankan prosedur secara fleksibel, tepat, cekap dan sesuai; (c) *Strategic Competence* (Kecekapan Strategik) - keupayaan untuk merangka, mewakili dan menyelesaikan masalah matematik; (d) *Adaptive Reasoning* (Penaakulan Adaptif) - keupayaan untuk pemikiran logik, refleksi, penjelasan dan justifikasi; dan (e) *Productive Disposition* (Disposisi Produktif) - kecenderungan untuk melihat matematik sebagai bermakna, berguna dan berbaloi, ditambah pula dengan kepercayaan dalam ketekunan dan efikasi sendiri. Pernyataan ini bermaksud murid yang profisien dalam ukuran dapat memahami, mengira, menyelesaikan, menaakul dan memproses. Mereka percaya bahawa ukuran adalah sesuatu yang bermakna, bahawa mereka boleh menyelesaikan masalah matematik melibatkan ukuran dengan usaha keras dan menjadi berkemahiran dalam ukuran adalah sesuatu yang berbaloi. Pemerhatian menunjukkan bahawa lima komponen tersebut adalah terjalin dan saling bergantung dalam pembangunan kemahiran dalam matematik (National Research Council, 2001).

Murid yang profisien dalam matematik adalah murid yang mampu menguasai kelima-lima komponen yang dinyatakan. Penguasaan kelima-lima komponen adalah sesuatu yang perlu bagi mengekalkan trend matematik yang semakin berubah dan menuju ke arah KBAT di samping kemahiran aritmetik asas. Kelima-lima aspek mempunyai perkaitan dan membina antara satu sama lain kerana apabila murid memperoleh pengetahuan dengan kefahaman, mereka perlu mengaplikasikan pengetahuan itu untuk mempelajari topik lain dan menyelesaikan masalah yang baru dan bukan biasa (Carpenter & Lehrer, 1999). Rangka kerja profisiensi matematik

berdasarkan lima komponen ini adalah sama dengan kerangka yang digunakan dalam penilaian matematik oleh *National Assessment of Educational Progress* (NAEP) yang mempunyai tiga kebolehan matematik (pemahaman konsep, pengetahuan prosedur, dan penyelesaian masalah) serta termasuk spesifikasi tambahan untuk penaakulan, hubungan dan komunikasi (National Assessment Governing Board, 2000).

1.2 Pernyataan Masalah

Kebolehan murid untuk mengenali bentuk adalah merupakan suatu perkara asas dalam ukuran sebelum mempelajari perimeter, luas dan isi padu. Ciri-ciri yang terdapat pada bentuk dua dimensi seperti segi empat sama, segi empat tepat dan segi tiga misalnya adalah berbeza, begitu juga bentuk tiga dimensi bagi kubus dan kuboid. Kemahiran mengenali ciri-ciri yang terdapat pada setiap bentuk dua dimensi dan tiga dimensi adalah asas dalam mempelajari ukuran. Pengetahuan dan kemahiran yang tidak mencukupi dalam geometri akan menyebabkan murid tidak dapat membuat persediaan ke dalam dunia yang sangat kompetitif (Russel, 2018). Perkara seperti ini menyebabkan murid mengalami kesukaran dalam mempelajari konsep geometri (Battista, 1999; Hock, Tarmizi, Yunus, & Ayub, 2015). Kesukaran ini merangkumi ketidakupayaan murid untuk menerapkan konsep asas geometri sesuai dengan konteks penyelesaian masalah, seperti mengenal pasti segi empat sama sebagai jenis segi empat (Hock et al., 2015). Steele (2012) menyatakan tiga sebab murid mendapat prestasi rendah dalam pengukuran iaitu:

- a. Kefahaman konsep pengukuran yang lemah ketika di awal persekolahan;
- b. Cabaran melaksanakan aktiviti geometri di dalam kelas; dan

- c. Pengetahuan guru yang terhad berkaitan dengan geometri dan pengukuran.

Kesukaran apabila mempelajari geometri dan pengukuran yang dinyatakan dalam kajian (Battista, 1999; Hock et al., 2015; Russel, 2018; Steele, 2012) dapat dikurangkan sekiranya penggunaan alat yang betul oleh guru dan murid berlaku ketika pengajaran dan pembelajaran. Guru seharusnya membina alat yang betul bagi membantu pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Husnawati et al. (2020) menyatakan tidak semua guru mampu mereka bentuk alat bantu mengajar yang boleh digunakan ketika pengajaran dilaksanakan. Husnawati et al. (2020) menambah bahawa kebanyakan guru hanya menggunakan alatan yang sedia ada di dalam kelas tanpa menyedari sama ada alat tersebut boleh digunakan secara bermakna atau tidak kepada murid. Lim (2011) menyatakan komunikasi maklumat antara guru dan murid juga penyebab utama kepada salah faham dalam geometri. Apabila maklumat yang diterima adalah salah, maka ia menyebabkan tahap geometri berbeza antara guru dan murid seterusnya membawa kepada konsep yang tidak difahami atau diperoleh sepenuhnya. Guru perlu mengetahui tahap geometri murid berfikir dan beroperasi pada tahap tersebut (Luneta, 2015). Kajian (Lim, 2011; Luneta, 2015) menyatakan bahawa alat yang digunakan dan komunikasi ketika kelas geometri juga adalah faktor kepada masalah dalam geometri.

Geometri adalah kajian berkaitan reka bentuk, hubungan antaranya dan juga ciri-ciri yang terdapat padanya (Bassarear, 2012). Meilantifa dan Budiarto (2018) menyatakan bahawa simbol yang terdapat di dalam geometri dapat digunakan bagi menyelesaikan masalah yang melibatkan geometri, namun murid dengan keupayaan rendah dalam geometri mengalami kesukaran untuk menyelesaikannya. Geometri mengandungi simbol yang sukar difahami oleh murid tanpa bimbingan, arahan dan

pengantaraan daripada guru (Meilantifa & Budiarto, 2018). Meilantifa dan Budiarto (2018) menjelaskan beberapa isu di dalam kelas geometri iaitu:

- a. Murid lambat memahami pengajaran guru apabila sesuatu konsep geometri diterangkan di hadapan kelas;
- b. Pertolongan daripada murid yang lain sekiranya tidak dapat melukis bentuk geometri yang diarahkan oleh guru;
- c. Murid tidak mencari atau menggunakan sumber lain tetapi bergantung hanya kepada guru; dan
- d. Murid tidak mampu membayangkan bentuk gambar di dalam buku teks (dua dimensi dan tiga dimensi).

Zhang (2021) menyatakan bahawa murid yang menghadapi masalah dalam geometri dan pengukuran adalah murid yang mempunyai pencapaian rendah dalam domain matematik yang lain. Dapatan kajian Zhang et al. (2012) serta Zhang et al. (2014) menunjukkan pembelajaran atau kesukaran dalam geometri asas adalah kerana tiadanya gambaran visual. Zhang (2021) menyokong kenyataan Zhang et al. (2012) dan Zhang et al. (2014) bahawa visualisasi adalah penting terutama dalam memahami bentuk dua dimensi dan tiga dimensi. Rouche (1992) melaporkan kesukaran memahami bentuk segi empat sama dan segi empat tepat daripada segi permukaan dan sisi memberi masalah dalam menjelaskan maksud pengiraan perimeter dan luas kepada murid. Outhred dan Mitchelmore (1992) dalam kajiannya menyatakan apabila murid tidak dapat membezakan bentuk antara segi empat sama dan segi empat tepat, ia akan menjejaskan pengiraan murid terhadap perimeter dan luas kerana tidak memahami bentuk yang dipelajari. Apabila tidak memahami bentuk, maka ciri-ciri dan istilah yang perlu diketahui oleh murid juga tidak dapat dikuasai dengan betul. Perbendaharaan kata pengukuran yang tepat seperti unit, titik

akhir, titik sifar, anggaran, tinggi dan panjang perlu diketahui murid bagi penguasaan dalam pengukuran (Sutherland et al., 2020). Sutherland et al. (2020) menegaskan bahawa sekiranya murid gagal memahami perbendaharaan kata pengukuran, murid akan mengalami kesukaran melibatkan diri dalam aktiviti pengukuran (sebagai contoh, mengukur ketinggian dan lebar objek), tidak faham arahan guru (sebagai contoh, menganggarkan panjang papan putih dalam meter), dan menggunakan strategi prosedur yang betul untuk mengukur (sebagai contoh, mengukur dari titik awal sehingga titik akhir). Guru yang tidak konsisten dalam perbendaharaan kata pengukuran akan menambahkan kekeliruan murid (Garet, Heppen, Walters, Parkinson, Smith, Song, Garrett, Yang, Borman, & Wei, 2016). Sebagai contoh, arahan bukannya seperti mengarahkan murid untuk "ukur pensel" tetapi guru harus menggunakan bahasa yang spesifik dan tepat seperti "ukur panjang pensel dari titik awal hingga titik akhir". Owens dan Outhred (2006) menyatakan kesilapan dalam mengenali bentuk oleh murid menyebabkan asas dalam pembangunan bagi memahami ukuran dan rumusnya akan terhalang. Murid mengalami masalah dalam ukuran disebabkan kurangnya kefahaman konsep di sebalik maksud perimeter, luas dan isi padu serta hanya bergantung kepada rumus yang diberikan sahaja.

Pelbagai bukti menunjukkan bahawa murid tidak mempunyai kefahaman yang kuat tentang perimeter, luas dan isi padu (Martin & Strutchens, 2000). Tan-Sisman dan Aksu (2012) dalam kajiannya menyatakan bahawa kebanyakan murid bukan sahaja keliru pada konsep perimeter dan luas tetapi juga rumus yang digunakan antara kedua-duanya. Ferrer, Hunter, Irwin, Sheldon, Thompson, dan Vistro-Yu (2001) melaporkan bahawa kebanyakan murid sememangnya mengalami masalah dalam memahami konsep perimeter dan luas dengan Ferrer et al. (2001) juga menyatakan kesukaran murid dalam mempelajari ukuran lebih bertambah

apabila perlu memahami konsep perimeter dan luas serta juga hubungan di antaranya. Hord dan Xin (2015) menjelaskan bahawa konsep luas dan isipadu boleh menjadi sukar bagi semua murid termasuk yang berprestasi tinggi kerana kesukaran memahami hubungan sepenuhnya antara formula dan hubungan matematik bagi luas dan isi padu. Jaquet (2000) melaporkan bukan sahaja konsep perimeter, luas dan isi padu penting kepada murid tetapi hubungan antara konsep tersebut yang kompleks juga menyebabkan murid tidak mampu menyelesaikan masalah ukuran yang dihadapi. Kajian (Chappell & Thompson, 1999; Ferrer et al., 2001; Hord & Xin, 2015; Kloosterman, Warfield, Wearne, Koc, Martin & Strutchens, 2004; Martin & Strutchens, 2000; Makonye, 2019; Menon, 1998; Moyer, 2001; Reinke, 1997) dalam ukuran menunjukkan kurangnya kefahaman tentang hubungan antara perimeter dan luas menyebabkan murid melakukan kesalahan ketika menggunakan rumus yang telah dipelajari.

Hubungan antara perimeter dan luas misalnya bukanlah secara terus dengan kebanyakan murid menganggap beberapa bentuk dua dimensi yang mempunyai perimeter yang sama adalah mempunyai luas yang sama. Anggapan yang salah ini adalah disebabkan murid tidak faham dengan hubungan yang wujud dalam ukuran antara perimeter, luas dan isi padu. Chappell dan Thompson (1999) mendapati hampir 95% murid dalam kajiannya tidak dapat mengesahkan bahawa dua bentuk yang mempunyai luas yang sama mempunyai kebarangkalian untuk berbeza perimeter. Secara asasnya, dua bentuk yang mempunyai perimeter sama tidak semestinya mempunyai luas yang sama. Masalah yang berlaku adalah disebabkan oleh penggunaan bahan tidak jelas di dalam buku teks seperti hanya memberikan contoh gambar segi empat atau segi tiga yang boleh dikira keluasannya dengan mengira bilangan petak tanpa melakukan amali pengiraan secara sebenar di dalam

kelas. Pengalaman murid dengan pengukuran luas menggunakan kiraan petak misalnya akan menyebabkan pemahaman yang tidak sempurna seterusnya memberi kesan kepada penggunaan rumus luas yang salah (Clement, Sarama, Van Dinea, Barrett, Cullen, Hudymaa, Dolgin, Cullen & Eames, 2017). Smith, Males, Dietiker, Lee, dan Mosier (2013) juga menyatakan perlunya siasatan dilakukan terhadap buku teks tentang persoalan ditimbulkan murid, sekiranya berasa sukar belajar menggunakannya. Clement et al. (2017) menambah kelemahan yang ketara dapat dilihat di dalam buku teks adalah memahami kaedah pendaraban panjang yang menghasilkan luas suatu kawasan. Clements et al. (2017) dan Smith et al. (2013) memberikan bukti bahawa kebarangkalian murid melakukan kesilapan yang dinyatakan oleh Chappell dan Thompson (1999) adalah sangat tinggi.

Kajian-kajian (Arnold, Turner, & Cooney, 1996; Chappell & Thompson, 1999; Machaba, 2016; Makonye & Khanyile, 2015; Murphy, 2012) menunjukkan kesilapan pengiraan apabila tidak memahami hubungan antara perimeter dan luas. Kamii dan Kysh (2006) juga mendapati bahawa apabila murid tidak memahami hubungan antaranya, maka terus menganggap bentuk segi empat sama sahaja yang mempunyai ukuran luas manakala bentuk tak sekata yang lain tidak mempunyai ukuran luas. Ketidakhahaman terhadap hubungan bukan sahaja berlaku antara perimeter dan luas tetapi juga isi padu. Battista (2003) melaporkan murid kurang memahami saling hubung antara unit ukuran luas dengan isi padu malah menganggap unit kiub di bucu bentuk tiga dimensi menampakkan dua unit persegi dengan kiraan baginya juga dianggap dua unit berbeza. Konsep isi padu yang bermaksud ruang yang perlu diisi juga tidak dapat digambarkan dengan jelas oleh murid. Bragg dan Outhred (2001) menjelaskan dalam kajiannya kesukaran murid

dalam membayangkan ruang kosong yang perlu diisi untuk memenuhkannya bagi menggambarkan isi padu atau unit yang konkrit.

Tan (1998) melaporkan tentang kebolehan murid menghafal rumus luas tetapi tidak dapat menentukan luas bagi kawasan yang perlu dikira kerana tidak memahami konsep luas manakala menurut Iszak (2001) dan Battista (2004), kegagalan murid memahami rumus luas adalah disebabkan kesukaran murid mengaitkan konsep pendaraban yang menjadi asas kepada tata susunan unit ukuran dalam bentuk segi empat. Pergantungan secara langsung kepada rumus untuk mengira perimeter, luas dan isi padu adalah sesuatu yang perlu dielakkan kerana kebarangkalian untuk murid tidak memahami maksud perimeter, luas dan isi padu adalah tinggi. Kajian Tan-Sisman dan Aksu (2009) terdahulu juga melaporkan tentang kekeliruan yang berlaku bukan sahaja pada konsep perimeter dan luas tetapi juga pada rumus yang digunakan untuk perimeter dan luas. Apabila murid melakukan pengiraan dengan menggunakan rumus yang salah, masalah yang didapati adalah bukan sahaja disebabkan oleh kesilapan pemilihan rumus tetapi juga berkait dengan kefahaman terhadap ukuran itu sendiri. Serin (2018) menyatakan penyebab kegagalan di dalam pengukuran adalah kerana kemahiran berfikir geometri murid juga lebih rendah daripada jangkaan. Satsangi dan Bouck (2015) menambah bahawa apabila murid telah keliru dengan rumus yang akan digunakan, perkara yang berlaku seterusnya adalah kesilapan terhadap kemahiran asas seperti pengiraan, organisasi dan memori. Sebagai contoh, apabila murid mengira luas dan perimeter bentuk tertentu, beberapa langkah diperlukan bagi menyelesaikannya. Kemahiran berfikir geometri yang rendah menyebabkan kemahiran asas yang sepatutnya sudah ada menyebabkan kesilapan dalam pengiraan.

Kajian (Battista, 1999; Clements & Battista, 1992; Lehrer, 2003; Lehrer et al., 2003) menunjukkan kebergantungan murid kepada rumus dalam menyelesaikan masalah yang melibatkan perimeter, luas dan isi padu adalah disebabkan kurangnya kefahaman yang jelas mengenai perbezaan konsep di antaranya. Marchini (1999) juga melaporkan bahawa murid yang tiada kefahaman yang kukuh dalam ukuran akan berdepan dengan konflik untuk memilih rumus yang betul apabila diarahkan untuk mengira perimeter dan luas. Penggunaan rumus untuk mengira perimeter, luas dan isi padu adalah mudah tetapi memahami perkara di sebaliknya adalah sesuatu yang sukar dan memerlukan masa serta pendekatan yang berbeza. Perkara penting di dalam kelas oleh guru adalah jawapan murid ketika mengira perimeter, luas dan isi padu tetapi yang menjadi keutamaan sebenarnya adalah kaedah memperoleh kesemua jawapan tersebut.

Outhred dan Mitchelmore (2000) mendapati dalam kajiannya bahawa murid melakukan kesilapan dalam pengukuran luas, misalnya membuat pertindihan unit ukuran, meninggalkan ruang di antara unit dan menggunakan unit ukuran yang tidak kongruen. Kajian-kajian terdahulu (Kidman & Cooper, 1997; Tan-Sisman & Aksu, 2012) menunjukkan kesilapan murid apabila menggunakan unit yang salah (cm , cm^2 dan cm^3) disebabkan keliru dengan konsep asas perimeter, luas dan isi padu. Curry et al. (2006) melaporkan murid mengalami kesukaran untuk mengenal pasti unit (cm , cm^2 dan cm^3) yang betul ketika mengira perimeter, luas dan isi padu, mengukur dengan kaedah yang salah serta tidak mengetahui langkah-langkah penyelesaian. Bragg dan Outhred (2000) juga menyatakan masalah murid dalam menentukan unit yang betul dalam mengukur dan mengira bagi perimeter dan luas.

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu (Arnold et al., 1996; Battista, 1999; Battista, 2003; Battista, 2004; Bragg & Outhred, 2000; Chappell & Thompson,

1999; Clements & Battista, 1992; Clements et al., 2017; Curry et al., 2006; Ferrer et al., 2001; Garet et al., 2016; Hock et al., 2015; Hord & Xin, 2015; Iszak, 2001; Jaquet, 2000; Kamii & Kysh, 2006; Kidman & Cooper, 1997; Kloosterman et al., 2004; Lehrer, 2003; Lehrer et al., 2003; Machaba, 2016; Makonye & Khanyile, 2015; Marchini, 1999; Martin & Strutchens, 2000; Menon, 1998; Meilantifa & Budiarto, 2018; Moyer, 2001; Murphy, 2012; Outhred & Mitchelmore, 1992; Outhred & Mitchelmore, 2000; Owens & Outhred, 2006; Reinke, 1997; Rouche, 1992; Russel, 2018; Satsangi & Bouck, 2015; Serin, 2018; Smith et al., 2013; Steele, 2012; Sutherland et al., 2020; Tan, 1998; Tan-Sisman & Aksu, 2009; Tan-Sisman & Aksu, 2012; Zhang, 2021; Zhang et al., 2012; Zhang et al., 2014) yang telah dinyatakan, beberapa kesimpulan tentang masalah murid berkaitan ukuran boleh dilakukan iaitu:

- a. Murid tidak dapat mengenal pasti ciri-ciri penting yang terdapat pada bentuk dua dimensi dan tiga dimensi;
- b. Kurangnya kefahaman konsep terhadap ukuran yang meliputi perimeter, luas dan isi padu;
- c. Tidak memahami hubungan yang wujud antara perimeter, luas dan isi padu;
- d. Murid gagal menggunakan rumus perimeter, luas dan isi padu yang betul apabila menyelesaikan masalah; dan
- e. Kesilapan murid menggunakan unit yang salah (cm , cm^2 dan cm^3).

Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) melaporkan murid yang berada di tahun enam tidak mempunyai kemahiran matematik yang baik dalam ukuran (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2005, 2007, 2008, 2010). Analisis soalan

peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) oleh LPM menunjukkan kesilapan dalam menjawab soalan yang diberikan.

Soalan 14 bagi kertas 2 matematik UPSR tahun 2007 menunjukkan murid membuat kesalahan yang biasa iaitu mengira perimeter bagi keseluruhan gambar rajah yang terdiri daripada tiga segi tiga bersudut tepat dengan dua segi tiga yang mempunyai hipotenus sama yang membentuk segi empat tepat iaitu: (a) menambah dua hipotenus yang berada di dalam gambar rajah, atau (b) mengira perimeter pada satu sudut segi tiga dan mendarab dengan tiga bagi perimeter (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2005). Bagi soalan 15, kesalahan yang sama dilakukan oleh murid tahun enam adalah mengira luas kawasan berlorek yang mempunyai dua segi tiga sudut tepat iaitu: (a) mengira luas segi tiga menggunakan luas segi empat tepat, (b) mengira luas bagi satu daripada dua segi tiga sudut tepat, atau (c) mengira luas perimeter untuk kawasan berlorek (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2007). Bagi soalan 14 kertas 2 matematik UPSR tahun 2008 menunjukkan kesalahan yang sama dilakukan oleh murid tahun enam adalah mengira luas kawasan berlorek yang mempunyai segi tiga sudut tepat dan segi empat tepat iaitu: (a) tidak dapat mencari panjang sisi tanpa diberi ukuran, atau (b) menambah panjang sisi yang terletak di dalam gambar rajah (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2008).

Soalan 17 kertas 2 matematik UPSR tahun 2010 menunjukkan murid melakukan kesalahan dengan mengira perimeter bagi kawasan berlorek dengan menambah kesemua panjang di setiap sisi atau sisi yang telah diberi dalam gambar rajah dengan kawasan berlorek sebaliknya menambah panjang bagi setiap kawasan yang berlorek. Soalan 18 kertas 2 matematik UPSR pada tahun yang sama, kesilapan yang telah dilakukan oleh murid adalah mengira isi padu dengan panjang sisi 6 cm

iaitu: (a) menambah panjang enam sisi ($6 + 6 + 6 + 6 + 6 + 6$), atau (b) mendarab panjang dua sisi (6×6) (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2010). Masalah yang telah dilakukan oleh murid dalam peperiksaan UPSR menunjukkan terdapat kekeliruan dalam menyelesaikan masalah bagi mengira perimeter, luas dan isi padu. Kefahaman yang jelas terhadap konsep asas dan aplikasi perlu dalam menyelesaikan soalan bukan bersifat rutin berbanding soalan yang biasa dilakukan di dalam kelas.

Ukuran adalah melibatkan kemahiran yang sukar tetapi sering dianggap mudah dengan pelbagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran telah digunakan dalam mempelajarinya sejak beberapa tahun kebelakangan ini (Clements & Stephan, 2003; Lehrer, 2003; Lehrer et al., 2003). Pelbagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran dalam ukuran tidak semestinya memberikan impak yang maksimum kepada kefahaman murid dengan setiap satunya dirancang dengan strategi dan sasaran yang berbeza. Pertimbangan terhadap pelbagai faktor perlu dilakukan dalam melaksanakannya seperti masa dan bahan yang akan digunakan. Murid di sekolah rendah misalnya memerlukan masa yang banyak untuk memahami ukuran dan belajar untuk mengukur objek di sekeliling (Van den Heuvel-Panhuizen, 2005). Mammana dan Villani (1998) telah mempersoalkan kepentingan dalam memilih konsep ukuran yang perlu diajar, urutan dalam mengajar setiap konsep itu dan jenis bahan serta alat yang digunakan di dalam kelas untuk mengajarnya.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) telah menjalankan kajian kualitatif tentang pengajaran guru terhadap 125 pengajaran di 41 buah sekolah di seluruh Malaysia dan didapati bahawa hanya 12% daripada pengajaran disampaikan pada standard yang tinggi, iaitu melaksanakan lebih banyak amalan terbaik pedagogi, manakala 38% lagi berada pada standard yang memuaskan. 50% daripada pemerhatian kajian menunjukkan